

**INSTITUT ALAM DAN TAMADUN MELAYU
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

1.	KOD KURSUS	IIII6124
2.	NAMA KURSUS	Metodologi Penyelidikan Pengajian Alam dan Tamadun Melayu
3.	TARAF KURSUS	Institut (wajib)
4.	PENYELARAS KURSUS	Prof. Madya Dr. Zuliskandar Ramli; Dr. Mohamad Nasrin Mohamad Nasir
5.	JUSTIFIKASI PENAWARAN KURSUS	Kursus ini ditawarkan untuk memenuhi keperluan kursus wajib institut dan elektif pelajar pasca siswazah peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.
6.	SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	
7.	NILAI KREDIT	4
9.	OBJEKTIF KURSUS	Kursus ini akan memperkenalkan pelajar siswazah ATMA kepada pelbagai metodologi, pendekatan dan proses penyelidikan di Alam Melayu yang meliputi sastera moden, pengkajian manuskrip dan filologi, arkeologi, sastera komparatif, sains dan teknologi Melayu. Tumpuan akan diberikan kepada pencapaian kefahaman sempurna mengenai prinsip penyelidikan sains sosial agar dapat membolehkan pelajar menyediakan cadangan penyelidikan yang bermutu. Pelajar akan didedahkan kepada ciri dan asas pemikiran dan penulisan ilmiah. Selain itu, pelajar juga akan diperkenalkan kepada kepelbagaian kaedah penyelidikan dan kaedah analitik yang akan membolehkan pelajar menganalisa data secara kualitatif serta melaporkan hasil kajian secara ilmiah.
10.	HASIL PEMBELAJARAN KURSUS	Setelah mengikuti kursus ini, pelajar berkeupayaan: HPK1 : Menerangkan prinsip, konsep-konsep asas dan etika penyelidikan dalam Alam Melayu. HPK2 : Mengenal pasti struktur hujahan teks akademik dan menilai asas hujahan berkenaan. HPK3 : Melengkapi pengetahuan tentang pelbagai kaedah penyelidikan dalam pengajian Alam Melayu. HPK4 : Menggunakan metodologi yang bersesuaian dengan objektif penyelidikan.

11.	SINOPSIS KURSUS	<p>Kursus ini mendedahkan kepada pelajar khususnya pasca siswazah metodologi penyelidikan yang diperlukan untuk menulis tesis dan artikel. Matlamatnya supaya pelajar dilengkapi dengan kefahaman berkenaan hasil penyelidikan multidisiplin alam dan tamadun Melayu. Kursus ini akan mendedahkan perkembangan dan hasil penyelidikan yang dipraktikkan oleh bidang tujahan di ATMA iaitu arkeologi, sejarah dan budaya tampak; bahasa, persuratan Melayu dan linguistik; pembinaan teori dan epistemologi Melayu; etno-sains dan teknologi alam Melayu; diaspora dan subaltern; manuskrip alam Melayu. Cakupan kursus ini antaranya adalah isu-isu penyelidikan, teori-teori yang berkaitan, metodologi penyelidikan, hasil penyelidikan, di samping itu, piawaian penyelidikan yang berkenaan bidang tujahan masing-masing. Terdapat 14 topik di bawah kursus ini.</p> <p>(sila rujuk Lampiran 11. 1: Contoh Maklumat Kursus).</p>
12.	KEMAHIRAN BOLEH PINDAH (JIKA BERKAITAN)	TB
13.	NAMA PROGRAM (Jika berkaitan)	Program Sarjana dan Doktor Falsafah
14.	HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM YANG DISOKONG OLEH KURSUS (Jika berkaitan)	TB
15.	MAKLUMAT TAMBAHAN	TIADA

Lampiran 11.1 Maklumat Kursus

1. **Kod Kursus** : **IIII6124**
2. **Nama Kursus** : **Metodologi Penyelidikan Pengajian Alam dan Tamadun Melayu**
3. **Kredit** : **4**
4. **Taraf Kursus** : **Jabatan (Wajib)**

5. **Sinopsis:**

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar khususnya pasca siswazah metodologi penyelidikan yang diperlukan untuk menulis tesis dan artikel. Matlamatnya supaya pelajar dilengkapi dengan kefahaman berkenaan hasil penyelidikan multidisiplin alam dan tamadun Melayu. Kursus ini akan mendedahkan perkembangan dan hasil penyelidikan yang dipraktikkan oleh bidang tujahan di ATMA iaitu arkeologi, sejarah dan budaya tampak; bahasa, persuratan Melayu dan linguistik; pembinaan teori dan epistemologi Melayu; etno-sains dan teknologi alam Melayu; diaspora dan subaltern; manuskrip alam Melayu. Cakupan kursus ini antaranya adalah isu-isu penyelidikan, teori-teori yang berkaitan, metodologi penyelidikan, hasil penyelidikan, di samping itu, piawaian penyelidikan yang berkenaan bidang tujahan masing-masing. Terdapat 14 topik di bawah kursus ini.

6. **Pra-Keperluan:**

Tiada.

7. **Keperluan Kursus untuk Menduduki Peperiksaan**

Pelajar perlu memenuhi 80% keperluan kehadiran kuliah dan menyiapkan tugas/kuiz untuk pentaksiran sebagai peperiksaan akhir.

8. **Rujukan:**

Eco, Umberto. 2015. *How to write a Thesis*. Cambridge: MIT Press.

Kumar, Ranjit. 2014. *Research Methodology: A Step-by-Step Guide for Beginners*. SAGE Publications Ltd.

Saldanha, Gabriela & O'Brien, Sharon. 2014. *Research Methodologies in Translation Studies*. Routledge.

Chang, William. 2014. *Metodologi Penulisan Ilmiah: Esei, Skripsi, Tesis dan Disertasi untuk Mahasiswa*. Ciracas: Penerbit Erlangga.

Wisnu Jatmiko et al. 2015. *Panduan Penulisan Artikel Ilmiah*. Depok: Penerbit Universitas Indonesia.

9. Senarai Hasil Pembelajaran Kursus:

HPK1 : Menerangkan prinsip, konsep-konsep asas dan etika penyelidikan dalam Alam Melayu.

HPK2 : Mengenal pasti struktur hujahan teks akademik dan menilai asas hujahan berkenaan.

HPK3 : Melengkapi pengetahuan tentang pelbagai kaedah penyelidikan dalam pengajian Alam Melayu.

HPK4 : Menggunakan metodologi yang bersesuaian dengan objektif penyelidikan.

10. Rancangan Mengajar:

Bil.	Hasil Pelbelajaran Kursus (HPK)	Kaedah Pengajaran & Pembelajaran	Kaedah Pentaksiran	Jam Bersemuka ¹ (Jam)	Jam Pentaksiran (Jam)	Belajar Kendiri (Jam)	Jumlah Jam Pembelajaran ² (Jam)
1	HPK1 : Menerangkan prinsip, konsep-konsep asas dan etika penyelidikan dalam Alam Melayu.	Kuliah / Atas Talian	Kuiz	8	2	30	40
2	HPK2 : Mengenal pasti struktur hujahan teks akademik dan menilai asas hujahan berkenaan.	Kuliah / Atas Talian	Kuiz	8	2	30	40
3	HPK3 : Melengkapi pengetahuan tentang pelbagai kaedah penyelidikan dalam pengajian Alam Melayu.	Kuliah / Atas Talian	Kuiz	8	2	30	40
4	HPK4 : Menggunakan metodologi yang bersesuaian dengan objektif penyelidikan.	Kuliah / Atas Talian	Kuiz	8	2	30	40
Jumlah Jam Notional yang diperlukan							160
Jumlah Kredit							4
							(jumlah jam/40)

¹ Merujuk kepada sesi berjadual yang diatur untuk pertemuan pengajar dan pelajar, seperti kuliah, makmal, kelas tutoran dan sebagainya, untuk tujuan penyampaian kandungan kursus, pentaksiran formatif dan pentaksiran berterusan/sumatif yang digabung dengan sesi bersemuka tersebut.

² "Jumlah jam pembelajaran" ini hanyalah untuk tujuan perancangan penyampaian mengikut HPK dan pensyarah perlu mengembangkan jumlah ini mengikut tajuk kuliah mingguan selama 14 minggu atau satu semester yang ditawarkan. Had terima untuk masa pembelajaran pelajar yang dibangunkan mengikut tajuk atau minggu ialah ± 0.1 jam. Had terima untuk peruntukan markah pentaksiran ialah $\pm 5\%$ kecuali sekiranya terdapat percanggahan dengan peruntukan markah yang ditetapkan di dalam Peraturan UKM (Pengajian Sarjanamuda), Peraturan UKM (Pengajian Siswazah) atau yang setara dengannya.

11. Pelan Pentaksiran:

Jadual 1.13: Contoh Pelan Pentaksiran Kursus

Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya:		Tahap Taksonomi	Indikator	HPP*/M QF**	Pemboleh (1) / Penentu (2)	Kaedah Penyampaian	Kaedah Pentaksiran	
							Kehadiran	Refleksi Individu & Berkumpulan
1.	Menerangkan prinsip, konsep-konsep asas dan etika penyelidikan dalam Alam Melayu.	C3	<ul style="list-style-type: none"> Menerangkan konsep-konsep berkaitan dengan metodologi penyelidikan. 	HPP1	TB	Kuliah / Atas Talian	4	20
2.	Mengenal pasti struktur hujahan teks akademik dan menilai asas hujahan berkenaan.	C5	<ul style="list-style-type: none"> Mempunyai kemahiran menulis teks akademik. 	HPP2	TB	Kuliah / Atas Talian	4	20

3.	Melengkapi pengetahuan tentang pelbagai kaedah penyelidikan dalam pengajian Alam Melayu.	A4	<ul style="list-style-type: none"> Mampu menguasai berbagai kaedah penyelidikan dan melakukan pemilihan yang bertepatan dengan topik kajian. 	HPP3	TB	Kuliah / Atas Talian	4	20
4.	Menggunakan metodologi yang bersesuaian dengan objektif penyelidikan.	P5	<ul style="list-style-type: none"> Menerapkan metodologi yang bersesuaian dalam penyelidikan dan penulisan tesis. 	HPP5	TB	Kuliah / Atas Talian	4	20
JUMLAH/ TOTAL							20	80

*Diisi oleh fakulti/Institut **Diisi Oleh Pusat Citra/CESMD TB = Tidak berkaitan

